



APPLIED HISTORY JOURNAL OF MERONG MAHAWANGSA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/ahjmm>

How to cite this article:

Teh, S. H., & Ku, B. D. (2026). Pulau Pinang sebagai pangkalan revolusi China dan penglibatan Chen Bijun dalam gerakan Tongmenghui. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*, 4, 71-90.
<https://doi.org/10.32890/ahjmm2026.4.4>

PULAU PINANG SEBAGAI PANGKALAN REVOLUSI CHINA DAN PENGLIBATAN CHEN BIJUN DALAM GERAKAN TONGMENGHUI

(Penang As a Base of the Chinese Revolution and Chen Bijun's Involvement in the Tongmenghui Movement)

¹Teh Shy Hui, ²Ku Boon Dar

^{1&2} Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh
Universiti Sains Malaysia, Malaysia

²*Corresponding author: kubd@usm.my*

Received: 22/02/2026

Revised: 24/06/2026

Accepted: 23/07/2026

Published: 31/07/2026

ABSTRAK

Kajian ini meneliti peranan Pulau Pinang sebagai pangkalan strategik Revolusi China pada awal abad ke-20 melalui penglibatan Chen Bijun (1891–1959) dalam gerakan Tongmenghui. Kajian terdahulu lebih banyak menumpukan perhatian kepada tokoh revolusioner lelaki dan perkembangan politik di China, manakala sumbangan masyarakat Cina perantauan serta wanita revolusioner di Asia Tenggara masih kurang diberikan perhatian. Kajian ini menggunakan pendekatan sejarah dengan menganalisis sumber primer dan sekunder, termasuk memoir, surat-menyurat, akhbar revolusioner dan dokumen arkib yang berkaitan dengan aktiviti revolusi China di Asia Tenggara. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Pulau Pinang berfungsi sebagai pusat penting bagi penyebaran ideologi revolusi, mobilisasi politik, pengumpulan dana dan pembentukan jaringan revolusioner transnasional. Kajian ini turut menunjukkan bahawa jaringan keluarga, organisasi diaspora, media revolusioner dan hubungan sosial di Pulau Pinang memainkan peranan penting dalam membentuk kesedaran politik dan komitmen revolusioner Chen Bijun. Selain dikenali melalui hubungannya dengan Wang Jingwei, Chen Bijun terlibat secara aktif dalam kegiatan

revolusi, menyokong penerbitan akhbar revolusioner dan membantu membiayai gerakan nasionalis. Kajian ini menyimpulkan bahawa Revolusi China berkembang sebagai gerakan transnasional yang disokong oleh masyarakat Cina perantauan, manakala Pulau Pinang muncul sebagai ruang penting dalam pembentukan nasionalisme China moden di luar tanah besar China.

Kata kunci: Chen Bijun, diaspora Cina, nasionalisme China, Pulau Pinang, Tongmenghui.

ABSTRACT

This study examines Penang's role as a strategic base of the Chinese Revolution in the early twentieth century through the involvement of Chen Bijun (1891–1959) in the Tongmenghui movement. Existing studies have largely focused on prominent male revolutionaries and political developments in China, while the contributions of overseas Chinese communities and women revolutionaries in Southeast Asia remain underexplored. Using a historical approach, this study analyses primary and secondary sources, including memoirs, correspondence, revolutionary newspapers and archival materials relating to Chinese revolutionary activities in Southeast Asia. The findings demonstrate that Penang functioned as an important centre for the dissemination of revolutionary ideology, political mobilisation, fundraising and the development of transnational revolutionary networks. The study also reveals that family ties, diaspora organisations, revolutionary publications and social networks in Penang played a crucial role in shaping Chen Bijun's political consciousness and revolutionary commitment. Beyond her association with Wang Jingwei, Chen Bijun actively participated in revolutionary activities, supported revolutionary journalism and contributed to the financing of nationalist movements. The study concludes that the Chinese Revolution was sustained not only by developments in China but also by the active participation of overseas Chinese communities. Penang emerged as a significant site for the construction of Chinese nationalism and revolutionary support beyond mainland China.

Keywords: Chen Bijun, Chinese diaspora, Chinese nationalism, Penang, Tongmenghui.

PENGENALAN

Revolusi China pada awal abad ke-20 sering dikaitkan dengan tokoh-tokoh besar seperti Sun Yat-sen (1866–1925), Huang Xing (1874–1916) dan Wang Jingwei (1883–1944), yang memainkan peranan penting dalam usaha menggulingkan Dinasti Qing dan membentuk sebuah republik moden di China. Namun demikian, perkembangan gerakan revolusi tersebut tidak berlaku di tanah besar China semata-mata, sebaliknya turut bergantung pada jaringan masyarakat Cina perantauan di rantau Asia Tenggara, khususnya di Tanah Melayu dan Singapura. Dalam konteks ini, Pulau Pinang muncul sebagai salah satu pusat strategik yang memainkan peranan penting dalam penyebaran ideologi revolusi, pengumpulan dana, penyediaan logistik dan pembentukan jaringan organisasi revolusioner Tongmenghui (Perikatan Revolusi China) di Asia Tenggara.

Sejak abad ke-19, Pulau Pinang berkembang sebagai pelabuhan perdagangan utama di Negeri-negeri Selat dan menjadi pusat tumpuan masyarakat Cina perantauan, khususnya golongan pedagang Hokkien yang memiliki hubungan ekonomi dan sosial yang luas dengan China Selatan. Kedudukan strategik ini membolehkan Pulau Pinang berfungsi bukan sahaja sebagai pusat perdagangan, tetapi juga sebagai ruang sosial dan politik yang mempertemukan pelbagai kelompok masyarakat Cina perantauan. Perkembangan

sekolah, persatuan klan Cina, akhbar berbahasa Cina dan organisasi sosial turut menyediakan persekitaran yang kondusif bagi penyebaran idea nasionalisme moden dan propaganda revolusi anti-Qing. Seterusnya, Pulau Pinang dan Singapura menjadi sebahagian daripada jaringan transnasional revolusi China yang menghubungkan diaspora Cina di Asia Tenggara dengan perjuangan politik di tanah besar China.

Kajian terdahulu dalam persejarahan revolusi China lazimnya lebih menumpukan perhatian kepada tokoh lelaki dan perkembangan politik di China, manakala penglibatan masyarakat Cina perantauan, khususnya wanita diaspora di Asia Tenggara, masih kurang diberikan perhatian secara mendalam. Kebanyakan wacana mengenai Chen Bijun (1891–1959) pula sering tertumpu pada kedudukannya sebagai isteri Wang Jingwei atau pada kontroversi politik beliau pada era kemudian. Pendekatan sedemikian menyebabkan peranan awal Chen Bijun sebagai wanita revolusioner muda dalam jaringan masyarakat Cina perantauan di Asia Tenggara kurang diberikan perhatian. Justeru, masih terdapat jurang kajian tentang bagaimana jaringan keluarga, organisasi sosial, media revolusioner dan komuniti diaspora Cina di Pulau Pinang serta Singapura membentuk kesedaran politik dan penglibatan Chen Bijun dalam gerakan revolusi China pada awal abad ke-20.

Kajian ini bertujuan meneliti pengaruh jaringan sosial, keluarga dan komuniti Cina perantauan di Asia Tenggara terhadap penglibatan Chen Bijun dalam gerakan revolusi Tongmenghui. Penulisan ini meneliti bagaimana Pulau Pinang dan Singapura berfungsi sebagai pusat penyebaran ideologi revolusi, ruang pembentukan hubungan sosial revolusioner serta medan mobilisasi kewangan dan organisasi bagi perjuangan anti-Qing. Selain itu, kajian ini turut meneliti bagaimana faktor keluarga, pendidikan, media cetak revolusioner dan hubungan peribadi dengan tokoh revolusi seperti Wang Jingwei mempengaruhi pembentukan kesedaran politik Chen Bijun.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan sejarah untuk meneliti peranan Pulau Pinang sebagai pangkalan revolusi China di Asia Tenggara serta penglibatan Chen Bijun dalam gerakan Tongmenghui pada awal abad ke-20. Skop kajian tertumpu pada perkembangan gerakan revolusi China dari tahun 1906 hingga 1911, dengan memberikan perhatian khusus kepada jaringan diaspora Cina di Pulau Pinang dan Singapura serta hubungannya dengan gerakan nasionalisme China. Kajian ini merujuk pelbagai sumber primer dan sekunder, seperti surat-menyurat revolusioner, memoir, catatan autobiografi, akhbar revolusioner seperti *Minbao* (Akhbar Rakyat) dan *Zhongxing Ribao* (Akhbar Zhongxing), serta dokumen berkaitan gerakan revolusi China di Asia Tenggara. Sumber primer ini digunakan untuk menelusuri pengalaman, pemikiran dan aktiviti tokoh revolusioner, manakala sumber sekunder yang terdiri daripada buku, artikel jurnal dan kajian ilmiah digunakan untuk membina kerangka interpretasi yang lebih menyeluruh tentang perkembangan revolusi China dan masyarakat Cina perantauan.

Analisis turut dilakukan terhadap sumber persejarahan moden berkaitan revolusi China, diaspora Cina dan perkembangan nasionalisme Cina di Asia Tenggara. Data yang diperoleh dianalisis melalui kaedah kritikan sumber, analisis kandungan dan pentafsiran sejarah untuk menilai kesahihan maklumat, mengenal pasti hubungan antara peristiwa serta memahami konteks sosial, politik dan ekonomi yang mempengaruhi perkembangan gerakan revolusi. Pendekatan ini penting untuk memahami revolusi China bukan sekadar sebagai fenomena domestik, tetapi sebagai gerakan transnasional yang berkembang melalui jaringan diaspora Cina merentasi sempadan politik dan geografi. Hasil daripada pendekatan tersebut, kajian ini menjelaskan bagaimana jaringan sosial, institusi komuniti, media revolusioner dan sokongan masyarakat Cina perantauan menyumbang kepada pembentukan nasionalisme China moden serta pengukuhan gerakan revolusi anti-Qing di luar tanah besar China.

PULAU PINANG SEBAGAI PUSAT JARINGAN REVOLUSI DAN MOBILISASI DIASPORA CINA

Dari tahun 1906 hingga 1908, Wang Jingwei bersama Sun Yat-sen giat menyebarkan gerakan revolusi di Asia Tenggara dan berjaya meraih sokongan yang signifikan daripada masyarakat Cina perantauan. Kejayaan penyebaran idea revolusi di Pulau Pinang tidak berlaku secara kebetulan, sebaliknya dipengaruhi oleh kedudukan strategik Pulau Pinang sebagai salah satu pelabuhan utama di Negeri-negeri Selat yang berfungsi sebagai pusat perdagangan, mobiliti manusia dan pertemuan komuniti Cina perantauan di Asia Tenggara. Sejak abad ke-19, Pulau Pinang berkembang sebagai pusat kegiatan ekonomi dan sosial masyarakat Cina, khususnya dalam kalangan pedagang Hokkien yang memiliki jaringan perdagangan luas merentasi Asia Tenggara dan China Selatan. Jaringan ekonomi dan sosial transnasional ini bukan sahaja memudahkan penyebaran maklumat serta idea politik moden, malah turut menyediakan sumber kewangan, perlindungan sosial dan sokongan logistik yang penting bagi memperkukuh gerakan revolusi anti-Qing di luar China.

Selain faktor ekonomi, perkembangan institusi masyarakat Cina di Pulau Pinang, seperti sekolah, persatuan klan Cina dan akhbar berbahasa Cina, turut menyediakan ruang yang kondusif bagi penyebaran propaganda revolusioner. Persatuan-persatuan ini sering menjadi tempat pertemuan masyarakat Cina tempatan dan memainkan peranan sebagai saluran penting dalam menyebarkan idea politik baharu. Melalui ceramah, penerbitan akhbar dan perbincangan dalam kalangan ahli persatuan, idea untuk menggulingkan Dinasti Qing (1644–1911) dan menubuhkan sebuah republik moden semakin mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat Cina perantauan. Dalam konteks ini, Pulau Pinang bukan sahaja berfungsi sebagai pusat ekonomi diaspora Cina, tetapi juga berkembang sebagai ruang intelektual dan politik yang menghubungkan gerakan revolusi China dengan masyarakat Cina di Asia Tenggara.

Pada tahun 1906, Sun Yat-sen bersama Hu Hanmin, Wang Jingwei dan Huang Xing datang ke Pulau Pinang dan sekali lagi menginap di tingkat atas Xiaolanting. Menurut Khoo (2008), Xiaolanting merupakan ruang di tingkat atas sebuah kedai dua tingkat yang dijadikan tempat pertemuan, perancangan dan perbincangan sulit oleh Sun Yat-sen serta rakan-rakan seperjuangannya. Tempat ini juga sering digunakan untuk mengadakan ceramah dan kutipan dana bagi menyokong gerakan revolusi anti-Qing. Kewujudan Xiaolanting memperlihatkan bagaimana ruang sosial masyarakat Cina di Pulau Pinang telah diadaptasi menjadi pusat jaringan politik transnasional yang memainkan peranan penting dalam perkembangan nasionalisme China pada awal abad ke-20.

Semasa berada di Pulau Pinang, Sun Yat-sen pernah menginap di beberapa lokasi penting, termasuk rumah tumpangan Heng Yik Hin di Rope Walk (Jalan Tokong), rumah No. 94, Jalan Dato Keramat milik Ng Kim Kheng serta sebuah vila di Pangkor Road milik Lim Boon Siew (Khoo, 2008). Keadaan ini memperlihatkan bahawa gerakan revolusi China mendapat sambutan yang amat memberangsangkan dalam kalangan masyarakat Cina perantauan, khususnya golongan pedagang dan elit ekonomi Cina yang sanggup menyediakan tempat perlindungan, bantuan kewangan dan sokongan logistik kepada para revolusioner ketika berada di Tanah Melayu. Sokongan ini mencerminkan hubungan erat antara nasionalisme China dengan jaringan diaspora Cina di Asia Tenggara pada awal abad ke-20. Sun Yat-sen turut menyampaikan ceramah bertajuk “Untuk Menyelamatkan China, Dinasti Qing Mesti Ditumbangkan Terlebih Dahulu” di Persatuan Klan Ping Zhang, No. 22, Lebuhraya Pitt (kini Lebuhraya Chulia). Persatuan ini merupakan tempat pertemuan penting bagi masyarakat Cina Hokkien di Pulau Pinang dan berfungsi sebagai pusat aktiviti sosial serta politik. Selain itu, beliau juga menyampaikan ceramah bertajuk “Jika Dinasti Qing Tidak Ditumbangkan, China Pasti Akan Musnah” di Kelab Ching Hoon Koay, No. 202A, Jalan Macalister (kini Hotel Agora). Kelab ini berperanan sebagai tempat pertemuan masyarakat Cina tempatan dan turut

menyokong aktiviti revolusioner yang dianjurkan oleh Sun Yat-sen serta rakan-rakannya (Khoo, 2008). Pemilihan lokasi ceramah di pusat persatuan Cina ini menunjukkan bahawa institusi sosial masyarakat Cina di Pulau Pinang berfungsi bukan sekadar sebagai ruang kebajikan komuniti, tetapi juga sebagai medan mobilisasi politik dan penyebaran nasionalisme anti-Qing dalam kalangan diaspora Cina. Usaha mereka direkodkan dalam pelbagai catatan sejarah, termasuk rekod peribadi Wang Jingwei sendiri.

Pada April 1907, Wang Jingwei pergi ke Hong Kong untuk bertemu dengan Sun Yat-sen. Mereka kemudian mengunjungi pelbagai kawasan di Asia Tenggara untuk menyebarkan idea revolusi. Perjalanan tersebut merangkumi Vietnam melalui Saigon (Bandar Ho Chi Minh) dan Haiphong sebelum tiba di Hanoi. Pada ketika itu, hanya Singapura dan Pulau Pinang mempunyai organisasi parti yang tersusun. Di Singapura, Wang Jingwei mendapat bantuan daripada Zhang Yongfu (1882–1942) dan Chen Chunan (1893–1975). Selepas itu, di setiap tempat yang mereka singgahi, Wang Jingwei bertanggungjawab mengendalikan propaganda dan organisasi gerakan revolusi. Beliau berjaya menubuhkan cawangan Tongmenghui di pelbagai kawasan di Asia Tenggara. Perkara ini dinyatakan pada halaman kelapan *Draf Autobiografi* Wang Jingwei:

Sejak saya berangkat, setiap tempat yang saya kunjungi, jika sudah ada parti, saya akan mengembangkannya; jika belum ada, saya akan menubuhkannya. Dalam beberapa tahun ini, saya telah menubuhkan lebih daripada seratus cawangan parti di Annam (Vietnam), Tanah Melayu di bawah pemerintahan British, Hindia Belanda (Indonesia) dan Siam (Thailand). Ahli-ahli parti kebanyakannya terdiri daripada pedagang kecil dan pekerja, namun terdapat juga pedagang besar yang menyertai kami. (He, 2019)

Petikan ini menunjukkan bahawa perkembangan Tongmenghui di Asia Tenggara tidak hanya bergantung kepada golongan elit, tetapi turut mendapat sokongan daripada pedagang kecil, pekerja dan masyarakat bawahan Cina perantauan. Keadaan ini memperlihatkan bahawa nasionalisme revolusioner China telah berkembang sebagai gerakan massa rentas sempadan yang merentasi kelas sosial dan wilayah geografi.

Wang Jingwei turut menggalakkan masyarakat Cina perantauan agar tidak berputus asa dalam menghadapi situasi yang mencabar serta terus bersatu demi masa depan China. Beliau menegaskan: “Demi kemerdekaan dan kebebasan China, berusaha sedaya upaya. Walaupun keadaan tidak menjanjikan harapan yang cerah, namun tiada keperluan untuk berputus asa” (He, 2019).

Hasil daripada usaha tersebut, sembilan daripada setiap sepuluh sumbangan masyarakat Cina perantauan disalurkan kepada dana ketenteraan untuk menyokong pemberontakan revolusi. Malah, ramai dalam kalangan mereka yang terpengaruh oleh propaganda revolusioner itu secara sukarela pulang ke tanah air untuk menyertai gerakan revolusi. Sekolah dan institusi akhbar tempatan turut digerakkan untuk membantu menyebarkan propaganda sehingga jumlah ahli parti semakin bertambah (Wang Jingwei, 2019). Menurut Rhoads (1975), keanggotaan Tongmenghui yang dianggarkan sekitar 10,000 orang pada pertengahan dekad 1900-an meningkat kepada kira-kira 20,000 hingga 30,000 orang menjelang tahun 1911 hasil penyebaran propaganda melalui sekolah, persatuan bacaan dan akhbar Cina di dalam serta di luar negara. Peningkatan keanggotaan ini memperlihatkan keberkesanan jaringan pendidikan, media dan organisasi diaspora Cina dalam memperkukuh gerakan revolusi anti-Qing. Dalam konteks yang lebih luas, perkembangan ini turut menunjukkan bahawa masyarakat Cina perantauan di Asia Tenggara memainkan peranan penting sebagai pemangkin transformasi politik China moden.

PERANAN MASYARAKAT CINA PERANTAUAN

Peranan masyarakat Cina perantauan dalam menyokong gerakan revolusi China turut dapat dilihat melalui dokumen arkib parti Kuomintang. Dalam sepucuk surat yang ditulis oleh Liu Geqing (1880-1941) pada tahun 1957, beliau memperkenalkan Zhou Xianrui sebagai “seorang tokoh revolusioner luar negara yang tipikal” serta menegaskan bahawa sumbangan tokoh diaspora seperti beliau merupakan sebahagian penting daripada sejarah revolusi China di luar negara (Zhonghua Minguo Gejie Jinian Guofu Bainian Dancheng Choubei Weiyuanhui Xueshu Lunzhu Bianji Weiyuanhui, 1965). Catatan tersebut turut menekankan bahawa memoir dan pengalaman tokoh-tokoh diaspora dianggap sebagai bahan sejarah yang amat bernilai kerana mengandungi pelbagai fakta berkaitan aktiviti revolusi di luar China (Zhonghua Minguo Gejie Jinian Guofu Bainian Dancheng Choubei Weiyuanhui Xueshu Lunzhu Bianji Weiyuanhui, 1965). Penekanan terhadap kepentingan sumber memoir diaspora ini menunjukkan bahawa gerakan revolusi China tidak boleh difahami semata-mata dalam kerangka sejarah domestik China, sebaliknya perlu dianalisis dalam konteks jaringan transnasional masyarakat Cina perantauan yang merentasi Asia Tenggara dan dunia luar China. Hal ini membuktikan bahawa gerakan revolusi yang dipelopori oleh Sun Yat-sen bukan sahaja bergantung kepada aktiviti di tanah besar China, tetapi turut disokong oleh jaringan masyarakat Cina perantauan di Asia Tenggara, termasuk Singapura dan Pulau Pinang.

Sambutan yang baik daripada masyarakat Cina di Pulau Pinang juga berkait rapat dengan perkembangan identiti dan sentimen nasionalisme dalam kalangan orang Cina perantauan pada awal abad ke-20. Walaupun menetap di luar China, ramai dalam kalangan mereka masih mengekalkan hubungan emosi, budaya dan ekonomi yang kuat dengan tanah air asal. Oleh itu, seruan revolusi yang dikemukakan oleh Sun Yat-sen untuk menyelamatkan China daripada kemerosotan politik dan ancaman kuasa asing mendapat sambutan yang positif, khususnya dalam kalangan pedagang dan golongan terpelajar yang melihat perubahan politik sebagai jalan untuk memulihkan kekuatan negara asal mereka. Dalam konteks ini, nasionalisme Cina dalam kalangan diaspora bukan sekadar bersifat sentimental atau kebudayaan, tetapi turut berkembang sebagai kesedaran politik yang mendorong penglibatan aktif mereka dalam pembiayaan, propaganda dan organisasi gerakan revolusi anti-Qing.

Perkembangan gerakan revolusioner China dalam kalangan masyarakat Cina di Pulau Pinang turut menarik perhatian pentadbiran British. Laporan pentadbiran kolonial menunjukkan bahawa pihak berkuasa sentiasa memantau perkembangan politik dalam komuniti Cina, khususnya kegiatan organisasi, penerbitan akhbar dan pengumpulan dana yang berkait dengan perkembangan politik di China. Laporan rasmi Negeri-negeri Selat mencatatkan bahawa komuniti Cina di Pulau Pinang mempunyai hubungan erat dengan tanah besar China dan bahawa perkembangan politik di China sering memberikan kesan langsung terhadap dinamika sosial serta politik masyarakat Cina di Tanah Melayu (Jarman, 1998). Dalam konteks ini, Pulau Pinang menjadi salah satu pusat penting bagi aktiviti organisasi masyarakat Cina yang mempunyai hubungan rapat dengan gerakan nasionalisme China. Kedudukan Pulau Pinang sebagai pelabuhan antarabangsa dan pusat perdagangan utama turut memudahkan pergerakan manusia, penyebaran maklumat serta aliran dana revolusi merentasi sempadan kolonial di Asia Tenggara. Menurut Jarman (1998), keadaan ini menyebabkan pentadbiran British memberikan perhatian khusus terhadap kegiatan persatuan Cina serta aktiviti politik yang berpotensi mempengaruhi kestabilan politik di wilayah jajahan tersebut.

Hal ini turut dicatatkan oleh Yong dan McKenna (1990), yang menunjukkan bahawa kerajaan British sentiasa memantau perkembangan organisasi politik Cina kerana bimbang kegiatan tersebut boleh menjejaskan kestabilan politik di Negeri-negeri Selat. Langkah seperti pemantauan polis terhadap tokoh revolusioner, sekatan terhadap akhbar dan pengawasan terhadap perhimpunan awam dilaksanakan bagi

mengehadkan pengaruh gerakan nasionalisme China di Tanah Melayu. Namun demikian, pendekatan British terhadap gerakan revolusioner China di Pulau Pinang bersifat pragmatik dan selektif. Selagi kegiatan tersebut tidak mengancam keselamatan pentadbiran kolonial atau mencetuskan ketidakstabilan secara langsung di Negeri-negeri Selat, pihak British secara umumnya mengambil pendekatan berhati-hati dan tidak menghalang sepenuhnya aktiviti propaganda revolusi tersebut. Keadaan ini secara tidak langsung memberikan ruang kepada Sun Yat-sen dan para revolusioner Tongmenghui untuk menggunakan Pulau Pinang sebagai salah satu pangkalan penting dalam jaringan revolusi mereka di Asia Tenggara.

PERTEMUAN WANG JINGWEI DENGAN CHEN BIJUN DI PULAU PINANG

Ketika berusia 17 tahun dan masih bersekolah, Chen Bijun sering menghadiri perjumpaan serta ceramah revolusi yang dianjurkan oleh gerakan anti-Qing. Walaupun sekolah berasrama tempat beliau belajar mempunyai peraturan dan waktu berkurung yang ketat, beliau sanggup melanggar peraturan sekolah dengan memanjat pagar asrama untuk keluar dan masuk demi menghadiri aktiviti revolusi tersebut. Menurut Zhang (1994), anjing penjaga di asrama itu tidak pernah mencederakannya dan keadaan tersebut menimbulkan rasa bangga dalam dirinya. Tindakan Chen Bijun ini memperlihatkan bahawa pengaruh gerakan revolusi China bukan sahaja menarik perhatian golongan lelaki dewasa atau elit politik, malah turut mempengaruhi wanita muda terpelajar yang mula menunjukkan kesedaran politik serta keberanian untuk mencabar norma sosial dan institusi pendidikan pada awal abad ke-20.

Chen Bijun pertama kali mengenali Wang Jingwei di rumah Wu Shirong (1875–1944), Pengerusi Cawangan Tongmenghui di Pulau Pinang. Kawasan tersebut dikenali sebagai Taman Pilan (He, 2019). Pertemuan tersebut meningkatkan kekaguman Chen Bijun terhadap Wang Jingwei, khususnya disebabkan bakat pidato serta gaya bicaranya yang berkarisma. Peristiwa ini menunjukkan bahawa ceramah revolusi bukan sahaja berfungsi sebagai medium propaganda politik, tetapi juga menjadi ruang sosial yang membentuk jaringan hubungan peribadi dan emosi dalam kalangan penyokong gerakan revolusi. Menurut Hu:

Sebelum ini aku belum pernah mendengar Wang Jingwei berucap. Hanya di Singapura aku menyedari bahawa dia memiliki bakat luar biasa dalam pidato dengan gaya bicaranya yang penuh semangat dan mampu menggerakkan hati. Para pendengar seolah-olah terpuakau dan dikawal oleh tutur katanya. Dalam dua puluh tahun, aku belum pernah melihat sesiapa yang lebih mahir berpidato. (Hu, 1969, p. 33)

Selain itu, bakat pidato Wang Jingwei turut direkodkan dalam *Guofu Nianpu* (Kronologi Kehidupan Sun Yat-sen), yang menyatakan bahawa tiada siapa yang lebih menawan daripada Jingwei (Zhonghua Minguo Gejie Jinian Guofu Bainian Dancheng Choubei Weiyuanhui Xueshu Lunzhu Bianji Weiyuanhui, 1965). Wang Jingwei terkenal sebagai pemidato yang mampu menyentuh emosi pendengar melalui gaya bahasa yang bersemangat dan retorik yang memukau. Perwatakannya yang anggun dan penampilannya turut menjadikan beliau tokoh yang mudah mendapat perhatian masyarakat. Ceramah revolusinya sering menarik ribuan pendengar, termasuk wanita dalam jumlah yang besar. Semangat dan idealisme yang disampaikan melalui pidatonya berjaya menggerakkan emosi serta membina sokongan terhadap gerakan revolusi. Keupayaan Wang Jingwei sebagai pemidato memperlihatkan bagaimana retorik politik dan personaliti karismatik memainkan peranan penting dalam memperluas pengaruh nasionalisme revolusioner China dalam kalangan masyarakat Cina perantaraan di Asia Tenggara. Chen Bijun merupakan antara pendengar yang mengikuti ceramahnya secara konsisten.

CHEN BIJUN: ANTARA IDEALISME REVOLUSI DAN PERCINTAAN

Pada ketika itu, Chen Bijun masih muda dan mula menaruh rasa kagum serta kasih terhadap Wang Jingwei.

“Pada masa itu, Chen Bijun juga merupakan antara pendengar setia Wang Jingwei. Kemudian, Chen Bijun sering mengunjungi rumah Wu Shirong kerana Wang Jingwei juga kerap ke sana. Maka, dari situlah mereka berkenalan” (Lei, 1944, p. 45).

Kedua-duanya sering bertemu dan berbicara mengenai gerakan revolusi. Chen Bijun bukan sahaja tertarik kepada ideologi perjuangan Wang Jingwei, malah semakin mengagumi keperibadiannya. Menurut Chen Bijun, Wang Jingwei tidak seperti sesetengah revolusioner lain yang menjalani kehidupan peribadi yang romantik dan tidak berdisiplin. Sebaliknya, beliau digambarkan sebagai seorang yang sangat berdisiplin dan menjalani kehidupan seperti seorang puritan, iaitu individu yang menjaga akhlak serta disiplin peribadi dan mengamalkan kehidupan yang sederhana serta berprinsip. Menurut Lei (1944), keadaan tersebut menyebabkan Chen Bijun semakin berharap untuk menjadi pasangan hidupnya sehingga terdapat catatan yang menyimpulkan bahawa hasrat “daripada revolusi menuju perkahwinan” bermula dari sini. Hubungan antara Chen Bijun dan Wang Jingwei memperlihatkan bahawa gerakan revolusi China bukan sahaja membentuk jaringan politik, tetapi turut mewujudkan hubungan emosi dan sosial yang berkembang dalam lingkungan perjuangan revolusioner. Dalam konteks ini, idealisme politik dan karisma peribadi tokoh revolusi memainkan peranan penting dalam menarik sokongan, khususnya daripada wanita muda terpelajar dalam masyarakat Cina perantauan.

Pada tahun 1907, Wang Jingwei menulis surat kepada Lim Nee Soon (1879–1936) yang menyatakan bahawa, atas arahan Sun Yat-sen, “Saudara diundang menghadiri jamuan kecil di rumahnya, Wan Qing Yuan (Taman Wan Qing), pada esok petang jam lima” (Wang, 2000). Turut diundang ialah Lim Kim Swee, Chan Mok Leong, Ng Eng Pui dan Tan Chor Nam, yang merupakan tokoh perintis dan penyokong utama Tongmenghui di Asia Tenggara (Hu, 1935). Bersama-sama mereka turut hadir Chen Bijun, yang ketika itu baru tiba bersama Wang Jingwei dari Pulau Pinang ke Singapura untuk bertemu dengan Sun Yat-sen dan menyertai Tongmenghui (He, 2019).

Catatan tambahan dalam surat tersebut menyebut bahawa pada waktu itu, Wang Jingwei berada di Singapura bersama Lim Kim Swee, Chen Bijun serta ibunya, Wei Yuelang. Surat tersebut telah dikoyakkan bagi mengelak masalah dengan pihak berkuasa tempatan kerana nama Lim Nee Soon dan isterinya tertulis di dalamnya. Berdasarkan kandungan surat ini, dapat dibuktikan bahawa pada tahun 1907, Chen Bijun bersama ibunya telah mengikuti Wang Jingwei ke Singapura untuk menyertai Tongmenghui. Perkara ini turut memperlihatkan bahawa penglibatan wanita dalam gerakan revolusi China bukanlah bersifat pinggir semata-mata, sebaliknya melibatkan sokongan keluarga serta jaringan sosial yang lebih luas dalam kalangan masyarakat Cina perantauan.

Tindakan Wei Yuelang yang menemani anaknya ke Singapura menunjukkan bahawa beliau bukan sahaja tidak menentang keputusan Chen Bijun untuk menyertai Tongmenghui, malah turut memberikan sokongan moral dan sosial terhadap penglibatan anaknya dalam gerakan revolusi tersebut. Hal ini memperlihatkan bahawa semangat nasionalisme China pada awal abad ke-20 turut meresap ke dalam institusi keluarga masyarakat Cina perantauan sehingga perjuangan revolusi dianggap sebagai tanggungjawab kolektif demi masa depan tanah air asal mereka (Hu, 2000).

PENYERTAAN RASMI DALAM TONGMENGHUI DAN AKHBAR REVOLUSI

Chen Bijun pernah menyatakan:

Ketika saya menyertai Tongmenghui... pada mulanya, saya bimbang akan membawa malapetaka kepada keluarga sehingga saya tidak berani memberitahu ibu bapa saya. Namun, setelah saya menyedari bahawa ibu saya seorang yang berfikiran luas dan berprinsip tegas, kebimbangan tersebut beransur hilang. Malah, ibu dengan penuh semangat membawa saya ke Singapura untuk menemui Sun Yat-sen dan akhirnya turut menyertai Tongmenghui bersama-sama. (He, 2019, p. 520)

Penyertaan Chen Bijun dan ibunya, Wei Yuelang, dalam gerakan revolusi berpunca daripada pengiktirafan mereka terhadap idealisme Tongmenghui yang memperjuangkan penggulingan Dinasti Qing dan pembentukan sebuah republik moden di China. Kepercayaan Wei Yuelang yang mendalam terhadap ajaran Buddha, khususnya nilai kesamarataan dan keadilan, turut mempengaruhi sokongannya terhadap perjuangan revolusi tersebut. Wei Yuelang bukan sahaja menyumbangkan semua barang kemasnya sebagai derma kepada Tongmenghui, malah turut menyertai cawangan persatuan itu di Pulau Pinang serta gigih menyediakan keperluan logistik bagi perjuangan revolusi. Keadaan ini memperlihatkan bahawa sokongan terhadap gerakan revolusi China dalam kalangan masyarakat Cina perantauan tidak hanya didorong oleh sentimen politik semata-mata, tetapi turut dipengaruhi oleh nilai moral, keagamaan dan tanggungjawab sosial terhadap tanah air asal mereka.

Fenomena ini mencerminkan peranan penting wanita Cina perantauan di Asia Tenggara dalam menyokong gerakan revolusi China pada awal abad ke-20. Walaupun kebanyakan kajian awal mengenai revolusi China lebih menumpukan perhatian kepada tokoh lelaki seperti Sun Yat-sen dan Huang Xing, pada hakikatnya, sejarah menunjukkan bahawa wanita turut memainkan peranan penting dalam pengumpulan dana, pembinaan jaringan sosial serta penyediaan sokongan logistik kepada gerakan revolusioner. Dalam konteks ini, penyertaan Chen Bijun dan ibunya memperlihatkan bahawa jaringan keluarga serta komuniti Cina perantauan menjadi salah satu asas penting dalam memperkukuh gerakan Tongmenghui di Asia Tenggara. Hal ini juga menunjukkan bahawa penglibatan wanita dalam gerakan nasionalisme China tidak boleh dianggap sebagai peranan sampingan, sebaliknya merupakan sebahagian daripada kekuatan sosial yang membantu memastikan kesinambungan gerakan revolusi di luar China.

Selain penglibatan dalam organisasi politik revolusioner, Chen Bijun turut memainkan peranan dalam menyokong kegiatan propaganda melalui penerbitan akhbar revolusioner. Akhbar berfungsi sebagai medium penting bagi propaganda dan mobilisasi politik dalam kalangan masyarakat Cina perantauan. *Minbao*, yang diterbitkan di Tokyo sejak tahun 1905, berfungsi sebagai organ rasmi Tongmenghui dan menjadi platform utama bagi menyebarkan ideologi revolusi kepada pelajar serta intelektual China di luar negara. Sebaliknya, *Zhongxing Ribao* lebih tertumpu kepada masyarakat Cina perantauan di Asia Tenggara, khususnya dalam usaha mengumpulkan dana revolusi dan menyebarkan propaganda anti-Dinasti Qing. Dalam konteks ini, media cetak memainkan peranan strategik sebagai alat pembentukan kesedaran politik transnasional dalam kalangan diaspora Cina di Asia Tenggara. *Zhongxing Ribao*, yang ditubuhkan di Singapura pada tahun 1907, merupakan salah satu medium propaganda untuk menyebarkan idea revolusi dalam kalangan masyarakat Cina perantauan di Asia Tenggara.

Pada tahun 1908, Wang Jingwei kembali ke Singapura untuk menulis artikel bagi *Zhongxing Ribao* serta terlibat dalam perdebatan penulisan menentang akhbar pro-monarki. Dalam tempoh tersebut, Wei Yuelang

sekali lagi menemani Chen Bijun ke Singapura. Setibanya di Singapura, Wang Jingwei dan Sun Yat-sen bertemu dengan Wei Yuelang dan Chen Bijun. Walaupun akhbar tersebut masih berusaha mendapatkan pelabur, Chen Bijun menyertai organisasi penerbitannya dan memberikan sokongan kewangan sebagai pemegang saham.

Zhang Yongfu bertindak sebagai perantara bagi pembelian sepuluh saham oleh Chen Bijun pada 5 Jun 1908, dengan nilai keseluruhan 100 yuan perak. Pembelian tersebut menunjukkan komitmen Chen Bijun terhadap usaha menyebarkan propaganda revolusioner melalui media cetak. Perkara ini dibuktikan melalui resit pembayaran saham bernombor 34 yang dikeluarkan oleh pengurus Syarikat Akhbar Zhongxing Nanyang Ltd. Dalam resit tersebut tercatat:

Daripada Puan Chen Bijun, sebanyak 10 saham, bersamaan dengan seratus yuan perak penuh bagi keseluruhan saham yang dijual. Resit ini dijadikan bukti sementara menunggu pemberitahuan rasmi penubuhan syarikat. Sila bawa resit ini untuk menebus sijil saham rasmi. Segala urusan syarikat ini akan dikendalikan mengikut undang-undang Syarikat Terhad British. (Lei, 1944, pp. 43–45)

Penglibatan Chen Bijun dalam akhbar revolusioner ini memperlihatkan bahawa peranannya dalam gerakan revolusi bukan sahaja terbatas kepada penyertaan dalam organisasi politik, tetapi turut meliputi usaha menyokong penyebaran propaganda revolusi melalui media cetak. Melalui akhbar seperti *Zhongxing Ribao*, idea revolusi dapat disebar secara lebih meluas dalam kalangan masyarakat Cina perantauan, sekali gus membantu memperkukuh jaringan sokongan terhadap perjuangan Tongmenghui. Penglibatan beliau sebagai pemegang saham juga menunjukkan bahawa wanita Cina perantauan bukan sekadar penyokong pasif gerakan revolusi, tetapi turut terlibat secara langsung dalam pembiayaan dan pengoperasian institusi propaganda revolusioner di Asia Tenggara.

PEMBATALAN PERTUNANGAN DAN PENGORBANAN DEMI PERCINTAAN DAN REVOLUSI

Ketika Wang Jingwei berada di Pulau Pinang, Chen Bijun menggunakan hubungannya dengan Wu Shirong dan Ng Kim Kheng sebagai alasan untuk mendekati beliau. Malah, Chen Bijun turut menjemput Wang Jingwei ke rumahnya sebagai tetamu dan mendorong ibunya supaya menyumbangkan dana bagi menyokong perjuangan revolusi. Berdasarkan surat yang ditulis oleh Wang Jingwei:

Pada musim sejuk tahun 1907, saya pertama kali bertemu dengan adik ketujuh (Chen Bijun) di Pulau Pinang. Kami berbual selama satu jam dan saling menghormati serta menyukai antara satu sama lain. Selepas saya berangkat, adik ketujuh (Chen Bijun) segera menghantar surat untuk memulakan persahabatan. Kemudian, adik ketujuh (Chen Bijun) memberitahu saya bahawa sejak pertemuan pertama itu, dia telah menganggap saya sebagai teman sejati sepanjang hayatnya. (He, 2019, p. 355)

Catatan ini memperlihatkan bahawa hubungan antara Chen Bijun dan Wang Jingwei berkembang bukan sahaja atas dasar emosi peribadi, tetapi turut dipengaruhi oleh idealisme revolusi serta interaksi mereka dalam lingkungan politik revolusioner di Asia Tenggara. Dalam konteks ini, ruang sosial dan jaringan revolusi di Pulau Pinang turut berfungsi sebagai medan pembentukan hubungan intelektual dan emosi antara golongan revolusioner muda Cina perantauan.

Pada asalnya, ayah Chen Bijun, Chen Gengji, merancang untuk menghantar anaknya melanjutkan pelajaran ke Britain seperti abangnya. Namun demikian, Chen Bijun menolak rancangan tersebut dan memilih untuk mengikuti jejak Wang Jingwei dengan menyertai gerakan revolusi. Pendirian dan aliran pemikiran Chen Bijun mengalami perubahan yang ketara selepas berkenalan dengan Wang Jingwei. Sebelum itu, beliau telah bertunang dengan Leong Yew Koh (1888–1963), anak kepada seorang hartawan Cina perantauan (Yang, 2015). Tambahan pula, tarikh perkahwinan yang ditetapkan oleh ayahnya semakin hampir. Namun begitu, Chen Bijun memilih untuk menamatkan pertunangan tersebut selepas mendapati wujud perbezaan pemikiran yang ketara antara beliau dengan tunangnya.

Selepas terpengaruh oleh *Minbao*, Chen Bijun mula menerima pemikiran individualisme Barat dan mengalami perubahan besar dalam cara berfikir. Beliau mula membayangkan kebebasan untuk memilih pasangan hidupnya sendiri, sebagaimana konsep perkahwinan berasaskan cinta yang berkembang di dunia Barat. Namun, ketika berbual dengan tunangnya, Leong Yew Koh, mengenai revolusi dan keinginannya untuk turut serta dalam perjuangan tersebut, beliau menerima jawapan yang meremehkan penglibatan wanita: “Wanita berjuang dalam revolusi, bagaimana rupa itu?” (Chan, 2025).

Jawapan tersebut menyebabkan Chen Bijun menyedari bahawa jurang pemikiran antara mereka terlalu besar. Akhirnya, beliau membuat keputusan untuk membatalkan pertunangan tersebut. Walaupun pada awalnya Chen Gengji tidak bersetuju, beliau akhirnya terpaksa akur dengan keputusan tegas anak perempuannya. Peristiwa ini memperlihatkan perubahan sosial dan intelektual yang berlaku dalam kalangan wanita Cina terpelajar pada awal abad ke-20, khususnya pengaruh idea moden Barat yang mula mencabar nilai tradisional seperti perkahwinan yang diatur oleh keluarga dan peranan wanita yang terhad kepada ruang domestik.

Pada masa yang sama, Wang Jingwei juga mempunyai tunang bernama Liu Wenzhen (He, 2019). Ketika masih kecil, Wang Jingwei kehilangan kedua-dua ibu bapanya. Ibunya meninggal dunia ketika beliau berumur 13 tahun, manakala bapanya meninggal dunia ketika beliau berumur 14 tahun (He, 2019). Ketika berusia 15 tahun, abang sulungnya, Wang Zhaorong, mengatur pertunangannya dengan seorang gadis daripada keluarga rakan sekerja mereka, iaitu Nona Liu.

Namun demikian, setelah Wang Jingwei menyertai gerakan revolusi di Jepun, Wang Zhaorong mengiriskan surat untuk menegurnya kerana menggunakan dana kerajaan untuk belajar di luar negara, tetapi sebaliknya terlibat dalam gerakan yang menentang Dinasti Qing. Abangnya menasihatinya supaya segera menghentikan kegiatan revolusi tersebut agar tidak membahayakan seluruh keluarga. Wang Jingwei memahami kebimbangan tersebut, namun tetap berpegang teguh pada cita-cita revolusinya. Beliau kemudian menulis surat kepada keluarganya untuk menyatakan keputusannya memutuskan hubungan dan secara rasmi membatalkan pertunangannya demi memelihara keselamatan ahli keluarganya (He, 2019). Tindakan Wang Jingwei ini memperlihatkan bahawa penglibatan dalam gerakan revolusi anti-Qing sering menuntut pengorbanan besar dalam kehidupan peribadi, termasuk hubungan kekeluargaan dan pertunangan. Dalam konteks yang lebih luas, pengalaman ini mencerminkan konflik antara kesetiaan kepada keluarga tradisional dengan komitmen terhadap perjuangan nasionalisme moden yang sedang berkembang dalam kalangan generasi muda revolusioner China. Dalam suratnya, Wang Jingwei menyatakan:

Saya, Wang Zhaoming (Wang Jingwei), adalah seorang pesalah yang telah menyertai revolusi di Jepun. Tindakan saya telah diketahui oleh pihak kerajaan. Maka, saya dengan ini memutuskan hubungan dengan keluarga agar tidak membahayakan kalian... Saya telah bersumpah untuk berjuang dan mengorbankan darah demi revolusi, dan saya tidak akan berpaling daripada tekad

ini. Mohon difahami keputusan saya. Saya dan Nona Liu pernah dijodohkan atas ketetapan keluarga. Namun, kerana saya telah memutuskan hubungan dengan keluarga, pertunangan ini juga harus dibatalkan. Maka, mulai hari ini, pertunangan ini secara rasmi dibatalkan. (Yang, 2023, p. 11)

Seterusnya, setelah menerima surat tersebut, Wang Zhaorong tidak mempunyai pilihan selain membatalkan pertunangan antara Wang Jingwei dan Liu Wenzhen. Tindakan Wang Jingwei memutuskan hubungan dengan keluarga dan membatalkan pertunangannya memperlihatkan sejauh mana komitmen golongan revolusioner terhadap perjuangan anti-Qing sehingga sanggup mengorbankan hubungan kekeluargaan serta masa depan peribadi demi cita-cita politik yang diyakini.

Jelaslah bahawa Chen Bijun dan Wang Jingwei mempunyai persamaan dari segi keteguhan pendirian serta keberanian mempertahankan pemikiran dan idealisme mereka walaupun berdepan tentangan keluarga. Kedua-duanya memperlihatkan ciri generasi muda revolusioner China pada awal abad ke-20 yang semakin dipengaruhi oleh idea nasionalisme moden, individualisme dan kebebasan memilih haluan hidup sendiri. Dalam konteks ini, keputusan mereka untuk menolak aturan keluarga tradisional mencerminkan pertembungan antara nilai Konfusianisme yang menekankan kepatuhan terhadap keluarga dengan pemikiran revolusioner moden yang mengutamakan perjuangan politik dan kebebasan individu. Selain itu, pengalaman Chen Bijun dan Wang Jingwei turut memperlihatkan bahawa gerakan revolusi China bukan sekadar sebuah perjuangan politik untuk menggulingkan Dinasti Qing, tetapi juga menjadi medium perubahan sosial yang mencabar norma tradisional masyarakat Cina, termasuk dalam aspek hubungan kekeluargaan, perkahwinan dan kedudukan wanita dalam masyarakat.

SOKONGAN MORAL DAN LOGISTIK DARIPADA IBU BAPA CHEN BIJUN

Chen Bijun rela mengorbankan harta dan nyawanya demi perjuangan revolusi, malah sanggup mengikuti Wang Jingwei dari Asia Tenggara ke Jepun dan seterusnya hingga ke penjara Dinasti Qing di Beijing. Tindakan Chen Bijun bukan sahaja mendapat sokongan daripada ibunya, Wei Yuelang, tetapi turut didukung oleh bapanya, Chen Gengji. Chen Gengji merupakan penyokong tegar gerakan revolusi Sun Yat-sen dan sering menyumbangkan wang serta barangan untuk menyokong perjuangan tersebut. Sun Yat-sen pula secara berkala membawa akhbar rasmi Tongmenghui, iaitu *Minbao*, untuk diberikan kepada Chen Gengji.

Melalui akhbar inilah Chen Bijun berpeluang membaca serta menghayati pemikiran revolusioner dengan penuh minat dan ketekunan. Beliau tidak pernah terlepas membaca mana-mana edisi akhbar tersebut. Chen Bijun amat tertarik kepada ketajaman pemikiran, keberanian serta gaya penulisan penuh semangat ketua pengarangnya, Wang Jingwei. Misalnya, dalam *Minbao*, Wang Jingwei pernah menyatakan:

Jika China tidak melakukan revolusi, sudah pasti tidak akan menemukan jalan keluar. Matlamat revolusi China yang pertama adalah untuk menggulingkan pemerintahan Manchu, dan langkah kedua adalah dengan mencapai kebebasan dan kesaksamaan antara China dan negara-negara di seluruh dunia. (He, 2019, pp. 233–234)

Kenyataan ini memperlihatkan bahawa perjuangan revolusi China pada awal abad ke-20 bukan sahaja bertujuan menggulingkan Dinasti Qing, tetapi turut dipengaruhi oleh idea moden seperti nasionalisme, kebebasan politik dan kesaksamaan antarabangsa. Media cetak seperti *Minbao* memainkan peranan penting dalam membentuk kesedaran politik generasi muda Cina perantaraan, termasuk wanita seperti Chen Bijun.

Pada awal tahun 1908, Wang Jingwei tiba di Pulau Pinang, Tanah Melayu. Beliau menyampaikan ceramah secara terbuka dan turut mengunjungi rumah Chen Gengji atas urusan tertentu. Chen Bijun berada dalam kalangan pendengar yang mengikuti ceramah tersebut dengan penuh perhatian. Di rumahnya sendiri, beliau berpeluang melihat Wang Jingwei berbincang mengenai revolusi bersama ibunya, Wei Yuelang. Ketika itu, kekaguman Chen Bijun terhadap keperibadian serta semangat perjuangan Wang Jingwei semakin berkembang. Perkara ini dinyatakan dalam surat yang ditulis oleh Wang Jingwei:

Pada musim bunga tahun 1908, saya kembali ke Pulau Pinang dan dapat bersama adik ketujuh (Chen Bijun) selama lebih sepuluh hari. Sebelum itu, saya hanya mengetahui sifat peribadinya, namun kali ini saya turut mengenali latar belakang hidupnya. Hubungan kami semakin erat dari hari ke hari. Selepas saya berangkat, saya menulis surat kepada adik ketujuh (Chen Bijun), menyatakan hasrat untuk menjadi sahabat sejati seumur hidup. Adik ketujuh (Chen Bijun) membalas surat dengan janji untuk menunaikan kata-kata ini, dan hubungan kami semakin mendalam. (He, 2019, p. 355)

Petikan ini menunjukkan bahawa hubungan antara Chen Bijun dan Wang Jingwei berkembang selari dengan penglibatan mereka dalam gerakan revolusi. Dalam konteks sejarah revolusi China di Asia Tenggara, hubungan peribadi mereka bukan sekadar kisah percintaan individu, tetapi turut mencerminkan bagaimana jaringan revolusioner membentuk hubungan sosial, intelektual dan emosi dalam kalangan generasi muda Cina perantauan.

Selain itu, pengaruh *Minbao* terhadap Chen Bijun memperlihatkan bahawa media revolusioner berjaya melahirkan kelompok wanita Cina baharu yang lebih berani, berpendidikan dan mempunyai kesedaran politik moden. Perubahan pemikiran ini akhirnya mendorong mereka untuk terlibat secara aktif dalam perjuangan revolusi, sekali gus mencabar peranan tradisional wanita dalam masyarakat Cina pada awal abad ke-20.

PERKEMBANGAN HUBUNGAN DAN STRATEGI PERCINTAAN CHEN BIJUN DI JEPUN

Tidak lama selepas itu, Wang Jingwei meninggalkan Pulau Pinang dan berangkat ke Jepun. Namun demikian, Chen Bijun, yang ketika itu berusia sekitar 17 tahun, semakin mengagumi dan mencintai beliau. Setelah membatalkan pertunangannya, pada Julai 1908 Chen Bijun menaiki kapal penumpang Belanda menuju ke Jepun untuk mengikuti perjuangan revolusi bersama Wang Jingwei. Oleh sebab beliau merupakan antara ahli termuda dalam gerakan revolusi tersebut, Sun Yat-sen meminta Fang Junying (1884–1923), yang ketika itu memegang jawatan Menteri Pelaksana Tongmenghui, serta Zeng Xing untuk menjaga Chen Bijun sebagai saudara angkat. Chen Bijun amat menghormati Fang Junying dan Zeng Xing, manakala kedua-duanya pula sangat menyayangi beliau. Perkara ini memperlihatkan bahawa gerakan revolusi China di Jepun bukan sahaja membentuk organisasi politik, tetapi turut mewujudkan jaringan sosial dan kekeluargaan dalam kalangan revolusioner yang saling menyokong di perantauan. Hubungan antara Chen Bijun dengan Wang Jingwei juga menjadi semakin rapat dan mendalam. Menurut catatan Jin Xiongbai:

Pada awalnya, Fang Junying dan Zeng Xing tinggal bersama Chen Bijun. Kemudian, mereka menyewa sebuah rumah yang lebih besar demi memudahkan perbincangan hal-hal parti. Wang Jingwei dan Li Zhongshi turut berpindah ke rumah itu. (He, 2019, p. 445)

Pada masa yang sama, tokoh revolusioner terkenal seperti Qiu Jin (1875–1907) dan He Xiangning (1878–1972) juga tinggal di situ (He, 2019). Hal ini menunjukkan bahawa Jepun pada awal abad ke-20 telah

menjadi salah satu pusat penting gerakan revolusi China di luar negara, khususnya sebagai ruang pertemuan golongan intelektual, feminis dan nasionalis revolusioner China.

Seterusnya, dengan “kelulusan khas” daripada Sun Yat-sen, Chen Bijun mengangkat sumpah untuk menyertai Tongmenghui dan mula bekerja bersama Wang Jingwei di pejabat editorial *Minbao*. Chen Bijun sengaja membawa artikel untuk meminta Wang Jingwei menyemaknya dan menjadikan beliau sebagai gurunya. Hubungan mereka semakin berkembang dari semasa ke semasa. Chen Bijun memperlihatkan ciri wanita moden yang aktif, berani dan mempunyai agensi sendiri dalam menentukan hala tuju kehidupan serta percintaannya, sesuatu yang masih jarang berlaku dalam masyarakat Cina tradisional ketika itu.

Setibanya di pejabat editorial *Minbao*, Chen Bijun menjadi perhatian beberapa editor muda yang belum berkahwin. Namun demikian, beliau tetap memberikan perhatian khusus kepada Wang Jingwei. Salah satu sebabnya ialah Wang Jingwei menjalani kehidupan seperti seorang puritan sehingga digelar “Dao Xue Xian Sheng” (sarjana Neo-Konfusianisme), iaitu seorang cendekiawan yang berpegang teguh pada nilai moral. Tambahan pula, beliau pernah menyatakan bahawa seorang revolusioner tidak sepatutnya berkahwin.

Wang Jingwei pernah memberitahu Chen Bijun bahawa kehidupan seorang revolusioner tidak menentu dan nyawa mereka sentiasa berada dalam bahaya. Menurut beliau, jika seorang revolusioner berkahwin, dia hanya akan membawa penderitaan kepada isterinya. Beliau berpendapat wanita yang dicintai hidup dalam kesengsaraan merupakan dosa yang paling besar. Oleh itu, beliau bersumpah bahawa jika revolusi tidak berjaya, beliau tidak akan berkahwin.

Dalam salah satu suratnya, Wang Jingwei menyatakan:

Sejak saya memutuskan pertunangan, saya mendengar bahawa Nona Liu masih belum berkahwin. Dalam hati saya, saya tidak berani untuk bertanya atau memikirkan tentang cinta, malah pernah menyatakan hal ini kepada adik ketujuh (Chen Bijun). Oleh itu, walaupun persahabatan kami sangat erat, saya tidak pernah menaruh perasaan lain terhadapnya kerana saya menganggap adik ketujuh (Chen Bijun) juga berfikir sama. Hubungan kami yang sangat mendalam menyebabkan saya tidak pernah menyangka akan timbul sebarang syak wasangka. Dalam surat itu, saya juga menjelaskan secara panjang lebar keadaan diri saya yang serba kekurangan dan tidak layak menerima kasih sayangnya. (He, 2019, p. 356)

Semakin tegas Wang Jingwei menyatakan bahawa beliau tidak akan berkahwin, semakin mendalam perasaan Chen Bijun terhadapnya. Dalam konteks ini, imej Wang Jingwei sebagai revolusioner yang sanggup mengorbankan kebahagiaan peribadi demi perjuangan politik telah memperkukuh daya tarikannya dalam kalangan penyokong revolusi, khususnya Chen Bijun. Namun demikian, gambaran bahawa Wang Jingwei merupakan seorang yang bertanggungjawab terhadap keluarga, isteri dan negara perlu dilihat secara kritikal dalam konteks sejarah yang lebih luas. Pada peringkat awal revolusi, beliau sememangnya dilihat sebagai simbol idealisme dan pengorbanan nasionalis. Akan tetapi, perkembangan politik Wang Jingwei pada dekad-dekad berikutnya, khususnya kerjasamanya dengan Jepun semasa Perang China-Jepun Kedua, telah menimbulkan polemik besar dalam historiografi China moden. Oleh itu, penilaian terhadap perwatakan dan tanggungjawab moral Wang Jingwei perlu dianalisis secara lebih seimbang dan tidak hanya berdasarkan pengalaman awal revolusionernya. Walaupun Wang Jingwei enggan menjalin hubungan percintaan, Chen Bijun tetap menyatakan perasaannya secara terbuka dan berterus terang. Hal ini dapat dilihat melalui surat balasan Chen Bijun kepada Wang Jingwei:

Cinta ini lahir secara semula jadi, saya tidak tahu sejak bila ia bermula. Namun, ini hanyalah perasaan saya sendiri, dan tidak perlu kamu (Wang Jingwei) risau. Kamu boleh meneruskan urusanmu, jangan memikirkan perasaan saya. Saya mencintai seseorang, itu adalah sesuatu yang timbul daripada hati saya secara semula jadi, dan saya tidak dapat mengawalinya. Namun, sama ada orang itu mencintai saya atau tidak, saya tidak ambil peduli. Saya tidak mengharapkan orang itu membalas cinta saya seperti saya mencintainya. Bagi saya, saya hanya akan terus mencintai dengan sepenuh hati, dan kasih saya ini akan kekal tanpa berubah selama-lamanya. (He, 2019, p. 356)

Surat ini memperlihatkan bahawa Chen Bijun merupakan seorang wanita yang berani memperjuangkan perasaan dan pilihan hidupnya sendiri. Pada zaman tersebut, kebanyakan pertunangan dan perkahwinan wanita Cina masih ditentukan oleh keluarga, khususnya ibu bapa, selaras dengan nilai tradisional masyarakat Cina yang menekankan maruah keluarga, kepatuhan anak perempuan dan status sosial. Keadaan ini turut mempengaruhi kehidupan Chen Bijun. Namun demikian, beliau sanggup menolak aturan keluarga dan memilih pasangan hidupnya sendiri berdasarkan perasaan cinta serta keserasian ideologi. Dalam konteks ini, Chen Bijun memperlihatkan kemunculan golongan wanita Cina moden yang mula dipengaruhi oleh idea individualisme, kebebasan memilih dan kesedaran diri hasil pendedahan kepada pendidikan moden serta pemikiran revolusioner pada awal abad ke-20. Sikapnya yang berani meluahkan cinta secara terbuka juga mencerminkan perubahan terhadap norma gender tradisional masyarakat Cina yang sebelum ini lebih menekankan sifat pasif dan kepatuhan wanita dalam hubungan perkahwinan.

Menurut Wang Jingwei, Chen Bijun pernah menulis sebanyak enam atau tujuh pucuk surat untuk meluahkan isi hatinya (He, 2019). Namun demikian, kedua-duanya pada ketika itu telah berjanji untuk menjadi “sahabat sejati sepanjang hayat”. Hubungan mereka memperlihatkan bahawa gerakan revolusi China bukan sahaja menjadi medan perjuangan politik, tetapi turut membuka ruang kepada pembentukan hubungan sosial dan emosi yang lebih bebas dalam kalangan generasi muda revolusioner. Dalam erti kata lain, revolusi bukan sekadar mengubah struktur politik China, tetapi turut membawa perubahan terhadap pemikiran sosial, hubungan gender dan konsep cinta dalam masyarakat Cina moden.

LATIHAN REVOLUSI DAN PEMBENTUKAN JATI DIRI CHEN BIJUN

Chen Bijun bukan sahaja terlibat secara aktif dalam gerakan revolusi, malah berusaha membuktikan kebolehannya melalui tindakan yang nyata. Ketika berada di Jepun, beliau berguru dengan rakan Sun Yat-sen, iaitu Miyazaki Toten (1871–1922), untuk mempelajari seni bela diri judo. Namun demikian, pada zaman tersebut tiada pusat latihan yang menerima wanita untuk mempelajari judo. Oleh itu, Miyazaki menghantarnya kepada adik angkatnya, Maeda Kujiro, untuk mempelajari seni pedang Jepun (kenjutsu) bersama-sama dengannya (Wang & Jiang, 1992). Selain itu, menurut catatan Zhang, Chen Bijun juga pernah menjalani latihan menembak semasa berada di Jepun. Latihan-latihan ini memperlihatkan bahawa Chen Bijun bukan sekadar terlibat dalam propaganda atau sokongan logistik revolusi, tetapi turut berusaha membentuk ketahanan fizikal dan mental sebagai seorang kader revolusioner.

Selain itu, Chen Bijun menerima pelbagai latihan daripada tokoh revolusioner veteran dalam Tongmenghui, seperti Huang Xing, Wu Yuzhang, Liao Zhongkai dan Lin Shishuang (Zhang, 1994). Tokoh-tokoh tersebut mengajarnya pelbagai kemahiran, seperti bahasa Inggeris, latihan ketenteraan dan penggunaan senjata api. Namun demikian, tiada sesiapa yang mengajarnya bahasa Jepun walaupun beliau menetap di Jepun untuk suatu tempoh tertentu. Keadaan ini menyebabkan tahap penguasaan bahasa Jepunnya dipercayai tidak begitu lancar untuk tujuan komunikasi harian. Situasi ini memberikan gambaran bahawa Chen Bijun ketika muda lebih menumpukan perhatian kepada perjuangan revolusi dan latihan praktikal berbanding proses

penyesuaian budaya dengan masyarakat Jepun. Dalam konteks ini, Jepun baginya bukanlah destinasi migrasi budaya, tetapi sebuah pangkalan strategik bagi aktiviti revolusioner China di luar negara.

Tambahan pula, Chen Bijun dikenali sebagai tokoh wanita revolusioner yang tegas, berani dan berpendirian kuat. Pada usia muda, sekitar enam belas tahun, iaitu suatu tempoh yang lazimnya dikaitkan dengan sifat memberontak dalam kalangan remaja, beliau sebaliknya memperlihatkan komitmen luar biasa terhadap perjuangan revolusi. Dalam *Surat Pengakuan Diri* yang ditulis ketika menjalani hukuman penjara di Shanghai pada usia tua, Chen Bijun mengimbas kembali penglibatannya dalam gerakan revolusi, termasuk peristiwa sewaktu beliau meninggalkan rumah dan dibekalkan sijil kelahiran oleh ibu bapanya (Chen, n.d.). Oleh sebab Tanah Melayu ketika itu berada di bawah pemerintahan British, Chen Bijun secara teknikal dianggap sebagai rakyat jajahan British di luar negara (British Overseas Subject).

Salah seorang rakan seperjuangannya, Deng Muhan (1892–1951), pernah berseloroh bahawa beliau tidak hairan akan keberanian Chen Bijun kerana beliau memiliki sijil kelahiran sebagai rakyat British. Deng Muhan menyatakan bahawa sekiranya Chen Bijun ditangkap oleh kerajaan Qing, beliau boleh menggunakan dokumen tersebut untuk mendapatkan perlindungan daripada konsulat British melalui hak luar wilayah (extraterritoriality), sekali gus menyelamatkan dirinya daripada hukuman mati. Walaupun kenyataan itu dibuat secara berseloroh, Chen Bijun tidak mengambalnya secara ringan. Sebaliknya, beliau bertindak secara dramatik dengan mengoyakkan sijil kelahirannya di hadapan rakan-rakan seperjuangan sebagai tanda komitmen terhadap perjuangan revolusi dan keengganan bergantung pada perlindungan kuasa asing (Chen et al., 1993).

Tindakan simbolik ini memperlihatkan tahap idealisme nasionalisme yang sangat tinggi dalam diri Chen Bijun. Dalam konteks revolusi China awal abad ke-20, penolakan terhadap perlindungan asing dianggap sebagai manifestasi kesetiaan mutlak terhadap perjuangan nasional dan usaha membebaskan China daripada penghinaan kuasa asing. Tindakan tersebut mengejutkan para hadirin dan menyebabkan Deng Muhan berasa malu sehingga segera meminta maaf.

Walau bagaimanapun, keberanian Chen Bijun turut mengundang teguran daripada Sun Yat-sen. Beliau menasihati Chen Bijun bahawa walaupun seorang revolusioner tidak seharusnya takut mati demi perjuangan yang benar, semangat pengorbanan itu tidak wajar diterjemahkan sebagai tindakan terburu-buru menuju kematian. Sun Yat-sen menasihati Chen Bijun bahawa kelangsungan hidup seorang revolusioner memberikan lebih banyak peluang untuk menyumbang kepada perjuangan. Sepuluh atau seratus peluang untuk terus hidup akan menghasilkan sepuluh atau seratus kader revolusi yang berpengalaman. Sun Yat-sen turut menegur Chen Bijun agar tidak terburu-buru dalam tindakannya dan menyifatkan tindakan mengoyak dokumen rasmi dirinya sebagai kegagalan memahami nilai strategik dokumen tersebut serta pengorbanan ayahnya (Zhang, 1994, p. 18).

Chen Bijun hanya terdiam mendengar teguran tersebut. Insiden ini memperlihatkan perbezaan antara idealisme emosional golongan revolusioner muda dengan pendekatan politik yang lebih pragmatik dalam kalangan pemimpin kanan revolusi seperti Sun Yat-sen. Namun, insiden ini juga mencerminkan keperibadian Chen Bijun yang tegas, tidak mudah tunduk dan sentiasa mahu membuktikan dirinya. Ciri-ciri tersebut terus kekal sepanjang hidupnya dan memperlihatkan keteguhan perwatakannya sejak usia muda.

SUMBANGAN PULAU PINANG DAN MASYARAKAT CINA PERANTAUAN

Pada 19 Disember 1908, Sun Yat-sen menubuhkan Yue Shubao She (Kelab Pembacaan Akhbar dan Buku) di Pulau Pinang, sebuah organisasi yang dinamakan sendiri oleh beliau. Kelab ini memikul tanggungjawab untuk menyatukan masyarakat Cina perantauan serta menyokong usaha pembaharuan politik, sekali gus menjadi salah satu tonggak penting dalam strategi Sun Yat-sen mengembangkan gerakan revolusi di Asia Tenggara. Penubuhan organisasi seperti Yue *Shubao She* memperlihatkan bahawa revolusi China di Asia Tenggara bukan sekadar bergantung kepada tindakan ketenteraan, tetapi turut menekankan pembentukan kesedaran politik melalui budaya membaca, perbincangan intelektual dan penyebaran maklumat dalam kalangan masyarakat Cina perantauan.

Selepas kegagalan Gerakan Hekou pada tahun 1908, golongan penyokong monarki di luar negara mula mengecam Sun Yat-sen serta para revolusioner dengan lebih terbuka. Mereka menuduh Sun Yat-sen sekadar menyuruh orang lain mati sedangkan dirinya hidup selesa di rumah mewah dan menggelarnya sebagai revolusioner jarak jauh kerana dianggap tidak terlibat secara langsung dalam perjuangan bersenjata di medan revolusi (Schiffrin, 1968).

Oleh itu, dalam kalangan Tongmenghui sendiri turut muncul gelombang ketidakpuasan hati terhadap kepimpinan Sun Yat-sen. Suasana pesimisme dan keraguan semakin merebak dalam organisasi tersebut. Ramai anggota mula mempersoalkan masa depan revolusi setelah beberapa siri pemberontakan mengalami kegagalan. Keadaan ini digambarkan seperti berikut:

Setiap orang menunjukkan wajah penuh kebimbangan. Apabila ditanya mengenai rancangan masa depan, tiada siapa yang mampu menjawab; hanya keluhan dan kesedihan memenuhi ruang.

Pernyataan ini menggambarkan bahawa gerakan revolusi China pada penghujung dekad pertama abad ke-20 sedang berhadapan dengan krisis keyakinan yang serius. Kegagalan pemberontakan bukan sahaja melemahkan kekuatan organisasi, malah menimbulkan persoalan terhadap keberkesanan strategi revolusi yang dipimpin oleh Sun Yat-sen. Revolusi ketika itu berada dalam keadaan yang amat tertekan dan tidak menentu.

Berhadapan dengan situasi tersebut, Wang Jingwei mencadangkan agar *Tongmenghui* menggunakan strategi pembunuhan politik dan tindakan kekerasan revolusioner sebagai bukti bahawa para pemimpin revolusi bukanlah golongan pengecut yang takut mati. Melalui pendekatan tersebut, Wang Jingwei percaya bahawa semangat perjuangan dapat dipulihkan, perpaduan dalam organisasi dapat diperkukuh, dan keyakinan rakyat terhadap gerakan revolusi dapat dikembalikan.

Seterusnya, untuk membuktikan kesetiaan dan keberaniannya, Wang Jingwei secara sukarela menawarkan diri untuk pergi ke Beijing bagi membunuh Zaifeng, Putera Chun Kedua, yang berkhidmat sebagai pemangku raja Dinasti Qing dari tahun 1908 hingga 1911 bagi Maharaja Xuantong. Dalam *Surat kepada Sahabat Seperjuangan di Nanyang*, beliau menulis:

Saudara-saudaraku seperjuangan, kita telah bersumpah setia di Hong Kong, berjanji untuk bertarung hingga mati melawan pemerintah Manchu. Dengan tindakan ini, kita akan membuktikan tekad revolusioner kita agar mereka yang telah putus asa kembali bersemangat dan mereka yang meragui perjuangan kembali yakin kepada revolusi. Kini, aku dalam perjalanan ke Beijing. Jika aku dapat membangunkan China yang tertidur dan menyalakan kembali api revolusi menentang pemerintahan Manchu, maka matlamatku untuk berkorban demi perjuangan telah

tercapai. Aku bukan seorang yang berbakat, tetapi aku akan mendahului kalian dalam kematian dan tidak berpeluang bersama-sama menghadapi cabaran masa depan. Hal ini membuatku berasa amat malu dan kesal. Dalam perjalanan ini, tidak kira sama ada aku berjaya atau gagal, aku tidak mempunyai sebarang harapan untuk kembali hidup-hidup. Sekalipun aku harus mengorbankan nyawa di Jalan Caishi, aku akan tetap membuka mata menanti saat tentera revolusi memasuki ibu kota! (He, 2019, p. 224)

Surat Wang Jingwei ini memperlihatkan semangat pengorbanan diri dan idealisme revolusioner yang sangat kuat dalam kalangan anggota Tongmenghui. Retorik perjuangan yang digunakan bukan sahaja bertujuan membangkitkan semangat revolusi, tetapi juga membina imej moral revolusioner sebagai individu yang sanggup mengorbankan nyawa demi bangsa dan negara. Dalam konteks sejarah revolusi China moden, unsur pengorbanan diri seperti ini menjadi salah satu simbol penting bagi menghidupkan semula keyakinan terhadap perjuangan anti-Qing yang ketika itu sedang berhadapan dengan krisis moral dan organisasi.

Secara keseluruhannya, terdapat pepatah yang menyebut “sembilan kali revolusi dan lima kali ke Pulau Pinang”, yang menggambarkan betapa kerapnya pasukan revolusi Sun Yat-sen datang ke Pulau Pinang dalam usaha menggerakkan revolusi China. Khoo (2008) menyatakan bahawa daripada lebih daripada 600,000 tael perak yang berjaya dikumpulkan bagi membiayai pemberontakan Sun Yat-sen, hampir satu pertiga daripadanya berasal daripada Pulau Pinang. Data ini memperlihatkan bahawa Pulau Pinang bukan sekadar sebuah pelabuhan perdagangan di Negeri-negeri Selat, tetapi turut berfungsi sebagai pusat kewangan dan pangkalan strategik penting bagi gerakan revolusi China di Asia Tenggara.

PENUTUP

Secara keseluruhannya, kajian ini memperlihatkan bahawa penglibatan Chen Bijun dalam gerakan revolusi China tidak boleh dilihat semata-mata sebagai kisah individu atau hubungan peribadinya dengan Wang Jingwei. Sebaliknya, penyertaannya perlu difahami dalam konteks yang lebih luas, iaitu sebagai hasil daripada pengaruh jaringan sosial, keluarga dan komuniti Cina perantauan di Asia Tenggara, khususnya di Pulau Pinang. Jaringan diaspora Cina ini bukan sahaja menyediakan sokongan kewangan dan logistik kepada gerakan Tongmenghui, malah turut membentuk ruang sosial dan intelektual yang penting dalam penyebaran ideologi nasionalisme revolusioner China pada awal abad ke-20.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa Pulau Pinang memainkan peranan yang jauh lebih besar daripada sekadar sebuah pelabuhan perdagangan di Negeri-negeri Selat. Kedudukannya sebagai pusat ekonomi dan komuniti diaspora Cina menjadikan Pulau Pinang salah satu pangkalan strategik revolusi China di Asia Tenggara. Melalui organisasi seperti *Yue Shubao She*, penerbitan akhbar revolusioner, ceramah politik dan jaringan persatuan Cina, Pulau Pinang berkembang sebagai ruang penting bagi mobilisasi politik, penyebaran propaganda dan pengumpulan dana revolusi. Sumbangan masyarakat Cina perantauan di Pulau Pinang membuktikan bahawa revolusi China turut digerakkan oleh kekuatan diaspora yang aktif dan berpengaruh di luar tanah besar China.

Selain itu, kajian ini turut memperlihatkan bahawa wanita Cina perantauan memainkan peranan yang signifikan dalam gerakan revolusi, walaupun peranan tersebut sering dipinggirkan dalam historiografi tradisional revolusi China. Penglibatan Chen Bijun serta ibunya, Wei Yuelang, menunjukkan bahawa wanita bukan sahaja bertindak sebagai penyokong pasif, tetapi turut terlibat secara langsung dalam pembiayaan revolusi, penyebaran propaganda, pembentukan jaringan sosial dan kegiatan organisasi politik.

Dalam konteks ini, pengalaman Chen Bijun mencerminkan kemunculan wanita Cina moden yang mula dipengaruhi oleh pendidikan, idea nasionalisme, individualisme dan pemikiran politik baharu yang berkembang pada awal abad ke-20.

Akhirnya, kajian ini mengukuhkan hujah bahawa revolusi China moden merupakan gerakan transnasional yang berkembang melalui jaringan diaspora Cina merentasi sempadan geografi dan politik. Dalam hal ini, Pulau Pinang khususnya bukan sahaja menjadi lokasi sokongan revolusi, tetapi turut berfungsi sebagai ruang pembentukan identiti nasionalisme China moden di luar tanah besar China. Dengan meneliti pengalaman Chen Bijun dan jaringan masyarakat Cina perantauan di Asia Tenggara, artikel ini memperluas pemahaman tentang hubungan antara diaspora, gender dan nasionalisme dalam sejarah revolusi China pada awal abad ke-20, sekali gus membuka ruang kepada penelitian yang lebih mendalam terhadap peranan masyarakat Cina perantauan dalam pembentukan sejarah moden Asia.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada para penilai atas komen dan cadangan yang bernilai dalam menambah baik manuskrip ini. Penghargaan turut ditujukan kepada editor atas bimbingan dan kerjasama sepanjang proses penilaian dan penerbitan artikel ini.

PENDANAAN

Penyelidikan ini tidak menerima sebarang geran daripada mana-mana agensi pembiayaan sektor awam, komersial atau bukan berasaskan keuntungan.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan bagi penyelidikan ini dan tiada potensi konflik kepentingan berkaitan dengan penyelidikan, penulisan atau penerbitan artikel ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Kedua-dua pengarang bertanggungjawab terhadap pemilihan tajuk, reka bentuk kajian, pengumpulan dan analisis data serta penulisan semua bahagian artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian ini tersedia dalam artikel ini.

RUJUKAN

- Abdullah, A., Asdam, M., & Alimbagu, A. (2025). The reciprocal acculturation of Islamic culture and local culture in the Nusantara: A historical review. *JAWI*, 8(1), 77–90. <https://doi.org/10.24042/00202582704000>
- Chan, J. (2025, April 18). Chen Bijun: The untold story of a revolutionary, collaborator, and defiant spirit. *Pacific Atrocities Education*. <https://www.pacificatrocities.org/blog/chen-bijun-the-untold-story-of-a-revolutionary-collaborator-and-defiant-spirit>

- Chen, B. (n.d.). *Zibai shu* [自白□; Surat pengakuan diri] [Manuskrip penjara tidak diterbitkan].
- Chen, B. (2019). *Wode muqin* [我的母□; Ibuku]. In M. He (Ed.), *Wang Jingwei shengping yu linian* [汪精□生平与理念]. Shibao Wenhua.
- Chen, H., Zheng, X., & Mao, Z. (Eds.). (1993). *Zengqi xiansheng wenji* [曾琦先生文集]. Institute of Modern History, Academia Sinica.
- He, M. (2019). *Wang Jingwei shengping yu linian* [汪精□生平与理念; Riwayat hidup dan pemikiran Wang Jingwei]. Shibao Wenhua.
- Hu, H. (1935). *Recollections of the revolution*. Commercial Press.
- Hu, H. (1969). *Hu Hanmin zizhuan* [胡□民自□; Autobiografi Hu Hanmin]. Zhuanji Wenxue Zazhishe.
- Hu, H. (2000). *Recollections of the revolution*. In G. Wang, *The Chinese overseas: From earthbound China to the quest for autonomy* (pp. 113–114). Harvard University Press.
- Jarman, R. L. (Ed.). (1998). *Annual reports of the Straits Settlements, 1855–1941* (Vol. 6, 1908–1914). Archive Editions.
- Khoo, S. N. (2008). *Sun Yat Sen in Penang*. Areca Books.
- Lei, M. (1944). *Wang Jingwei xiansheng zhuan* [汪精□先生□; Biografi Encik Wang Jingwei]. Zhengzhi Yuekanshe.
- Rhoads, E. J. M. (1975). *China's republican revolution: The case of Kwangtung, 1895–1913*. Harvard University Press.
- Schiffirin, H. Z. (1968). *Sun Yat-sen and the origins of the Chinese revolution*. University of California Press.
- Wang, G., & Jiang, Z. (1992). *Wang Jingwei yu Chen Bijun* [汪精□与□璧君; Wang Jingwei dan Chen Bijun]. Zhongguo Qingnian Chubanshe.
- Wang, G. (2000). *The Chinese overseas: From earthbound China to the quest for autonomy*. Harvard University Press.
- Yang, Z. (2015). The road to lyric martyrdom: Reading the poetry of Wang Zhaoming (1883–1944). *Chinese Literature: Essays, Articles, Reviews*, 37, 135–164. <https://www.jstor.org/stable/26357344>
- Yang, Z. (2023). *Poetry, history, memory: Wang Jingwei and China in dark times*. University of Michigan Press. <https://doi.org/10.3998/mpub.12697845>
- Yong, C. F., & McKenna, R. B. (1990). *The Kuomintang movement in British Malaya, 1912–1949*. Singapore University Press.
- Zhang, J. (1994). *Cong geming nüzhishi dao touhao nühanjian—Chen Bijun zhuanji* [从革命女士到□号女□奸—□璧君□□; Daripada pejuang wanita revolusi kepada pengkhianat No. 1: Biografi Chen Bijun]. Xuelin Chubanshe.
- Zhonghua Minguo Gejie Jinian Guofu Bainian Dancheng Choubai Weiyuanhui Xueshu Lunzhu Bianji Weiyuanhui. (1965). *Guofu nianpu* [国父年□; Kronologi kehidupan bapa negara] (Vol. 1).